

R B883 DEB  
MAHATHIR - PIDATO

KUALA LUMPUR, 27 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA KEMAHIRAN BERPIDATO PENTING DALAM KEHIDUPAN BERMASYARAKAT DAN BERNEGARA.

+PEMIMPIN YANG IDEAL SAMA ADA PEMIMPIN KECIL DI DESA ATAU PEMIMPIN SEBUAH NEGARA SEHARUSNYA BERKEBOLEHAN UNTUK BERPIDATO,+ KATANYA DALAM BUKU PERTANDINGAN PIDATO PIALA DIRAJA DI SINI MALAM INI.

PERDANA MENTERI BERKATA WALAUPUN KEBOLEHAN ITU BUKAN MENJADI SYARAT MUTLAK TETAPI SEKURANG-KURANGNYA SESEORANG YANG INGIN MENJADI PEMIMPIN MESTILAH BERANI BERUCAP DI KHALAYAK RAMAI ATAU PADA MAJLIS-MAJLIS DENGAN MENGEMUKAKAN PANDANGAN DAN HUJAH YANG BERNAS.

BELIAU MENYIFATKAN PERTANDINGAN PIDATO SEBAGAI SATU SALURAN YANG BAIK UNTUK MENCUNGKIL SERTA MELATIH BAKAT-BAKAT MUDA.

SEMENTARA ITU MENTERI BURUH DATUK LEE KIM SAI YANG MEWAKILI Pengerusi Perayaan Hari Kebangsaan Datuk Seri Sanusi Junid semasa berucap pada majlis berkata, tujuan utama pertandingan pidato ialah untuk menguji bakat, kebolehan dan kemahiran para pelajar dalam bidang itu. -- LAGI  
2251MST 27 08 86

D334

R B886 DEB  
MAHATHIR - PIDATO 2 KUALA LUMPUR (ULANGAN DENGAN MAKLUMAT TAMBAHAN)

EMPAT TAJUK YANG DITETAPKAN UNTUK PERTANDINGAN AKHIR KALI INI IALAH BANGSA TEGAS NEGARA TEGUH, INTEGRASI NEGARA, MENGHAYATI KEMERDEKAAN TANAH AIR DAN PANDANGAN SAYA TERHADAP KEMERDEKAAN.

DATUK LEE BERKATA BAHAWA SEMUA TAJUK ITU DIPILIH DENGAN HARAPAN AGAR MASYARAKAT KHUSUSNYA PARA PELAJAR DAPAT MEMPERTINGKATKAN KEFAHAMAN SERTA PENGHAYATAN TERHADAP ERTI SEBENAR KEMERDEKAAN TANAH AIR.

SUHAIMI ZAMAN DARI SEKOLAH TUN SERI LANANG, MUAR DAN SHARIFAH KHODZIJAH EYED HUSSAIN DARI SEKOLAH MENENGAH RAJA PEREMPUAN, IPOH MENJADI PEKIDATO TERBAIK BAHAGIAN MASING-MASING.

MEREKA MENERIMA SEBUAH PIALA SUMBANGAN BANK RAKYAT DAN SYARIKAT SHAMELIN.

SULTAN PAHANG DAN TENGGU AMPUAN PAHANG BERANGKAT KE MAJLIS ITU. BAGINDA MENYAMPAIKAN HADIAH KEPADA PARA PEMENANG. -- BERNAMA  
2342MST 27 08 86